

PROGRAM PENCARIAN BAKAT SIRI 1

Pada 12 Mac 2020, Pusat Sukan UPM telah melaksanakan program Pencarian Bakat Atlet (siri 1) bertempat di Sekolah Sukan Malaysia, Pahang (SSMP). Program ini bertujuan bagi menyampaikan maklumat tentang pengajian yang ditawarkan oleh UPM kepada 22 orang pelajar Pra-Universiti sesi 2020/2021 yang bakal menyambung pengajian ke peringkat universiti.



PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI BERKONSEPKAN PEMBANGUNAN SUKAN

Pusat Sukan UPM telah menjadi rakan strategik kepada Majlis Sukan Sekolah Daerah Hulu Langat (MSSDHL) bagi membangunkan sukan terpilih iaitu Olahraga, Memanah, Sepak Takraw dan Ragbi. Program kolaborasi antara MSSDHL dengan Pusat Sukan UPM adalah bertujuan dalam mengenalpasti bakat-bakat dan mengadakan latihan intensif secara sistematik bagi membantu penyertaan MSSDHL dalam menghadapi kejohanan di peringkat daerah.



4TH ASEAN FENCING UNIVERSITY CHAMPIONSHIP 2020 (AUGC)



Pasukan Lawan Pedang UPM telah meraih 1 emas, 2 perak dan 2 gangsa dalam kejohanan *Asean Fencing University Championship 2020* yang telah berlangsung pada 5-8 Mac 2020 bertempat di Nilai University, Negeri Sembilan. Berikut merupakan nama-nama atlet UPM yang telah memenangi pingat sempena kejohanan tersebut:

Bil.	Kategori	Atlet	Pencapaian
1.	Foil Individu	Nurafrina Abd. Jalil	Gangsa
2.	Epee Individu	Zaharah Sailan Abdullah	Gangsa
3.	Sabree Individu	Ahmad Syukran Mohd Shahir	Perak
4.	Women Epee Team		Emas
5.	Mix Epee Team		Perak

KEJOHANAN SEPAK TAKRAW & BOLA KERANJANG WANITA SUKAN KOLEJ 2019/2020



Keputusan perlawanan Kejohanan Sukan Kolej UPM 2019/2020 (Mac & April 2020):

Bil.	Acara	Johan	Naib Johan	Bil.	Acara	Johan	Naib Johan
1.	Sepak Takraw	Kolej Canselor A	Kolej Canselor B	1.	Bola Keranjang Wanita	Kolej Tun Dr. Ismail	Kolej Tujuh Belas

PASUKAN FUTSAL LELAKI UPM 2020: THE UNBEATABLE TEAM



Pasukan Futsal Lelaki UPM telah melakar sejarah apabila pertama kali layak ke Liga Futsal Premier IPT bagi tahun 2020 dalam fasa pertama yang telah diadakan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 28 Februari hingga 02 Mac 2020. Pasukan Futsal UPM telah mengakhiri saingan 4 perlawanan tanpa kalah dan seterusnya dinobatkan sebagai johan dalam kumpulan Premier B. Berikut keputusan pasukan Futsal UPM dalam kejohanan tersebut:

Bil.	Keputusan Perlawanan
1.	UPM (2) lwn (2) UNITEN
2.	UPM (7) lwn (4) MSU
3.	UPM (2) lwn (1) IIUM
4.	UPM (6) lwn (4) UUM

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Pusat Sukan UPM dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM telah mengadakan pertandingan sukan secara maya (E-Sports) kepada pelajar-pelajar UPM semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Antara aktiviti yang telah dianjurkan ialah pertandingan pembangunan video *UPM Fitness Challenge*, pertandingan mencipta slogan & tips penjagaan kesihatan dan kejohanan e-Sport UPM (Mobile Legend). Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar UPM. Pertandingan secara maya ini merupakan inisiatif bagi memastikan pelajar-pelajar UPM dapat memanfaatkan masa dalam tempoh PKP dengan sesuatu yang berfaedah dan dapat bersaing secara sihat bagi program pertandingan yang diadakan. Sempena kejohanan tersebut, Pusat Sukan UPM telah menyediakan hadiah berupa wang tunai kepada pemenang bagi semua kategori pertandingan yang dianjurkan.

KEPUTUSAN PERLAWANAN SEMPENA TEMPOH PKP

Pemenang UPM Fitness Challenge

1. **Muhammad Azim bin Amir** (204411) - Bachelor Science / Teknologi Kejuruteraan
2. **Muhammad Syarif bin Muhammad Razali** (0437902) - Master Science / Kejuruteraan
3. **Christina Chik Wan Ang** (20252) - Diploma / Pengurusan
4. **Liab Terbilang** (1360) - Muhammad Azwan Zuhairi bin Mat Zin

MPP UPM 19/20

Pemenang Pertandingan Mencipta Slogan & Tips Penjagaan Kesihatan

1. **Tip for Good Health** (192878) - Bachelor Science / Kejuruteraan
2. **Mar Syubhadah binti Noordin** (192878) - Bachelor Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar
3. **Tip for Good Health** (192878) - Bachelor Perakaunan

Pertandingan Mencipta Slogan & Tips Penjagaan Kesihatan

1. **Muhammad Danish Syarif** (192340) - Bachelor Kejuruteraan Mekanikal

MPP UPM 19/20

Pemenang Kejohanan Mobile Legend UPM

1. **Gant6**
2. **Titan Hoshi**
3. **BoskurBanMaontan**
4. **Mechy5Game**

MPP UPM 19/20

THANK YOU FRONTLINERS

Pihak Pusat Sukan UPM ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih buat semua "Frontliners" yang telah bertungkus lumus dalam usaha memerangi penularan wabak Covid-19.



SALAM RAMADHAN
1441H | 2020

TERIMA KASIH

'THE FRONTLINERS'

Let's break the chain of infection
#staysafeathome
#waragainstcovid_19

www.sukanupm.edu.my | Pusat Sukan UPM | upsports | Pusat Sukan UPM
PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN
BERILMU BERBAKTI

Salam Ramadhan 1441 H

Selamat Menunaikan Ibadah Puasa
buat semua pelajar UPM, warga kerja UPM serta mahasiswa & masyarakat

dengan ingatan dan ibadah diimpikan
Pusat Sukan UPM

www.sukanupm.edu.my | Pusat Sukan UPM | upsports | Pusat Sukan UPM
PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN
BERILMU BERBAKTI